

Pengusaha ikan sangkar di Chenor terjejas, ikan mati

UM 15/08/23 M/S 32

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD

utusannews@mediamulia.com.my


MARAN: Kesan fenomena El Nino yang melanda negara sejak tiga bulan lalu menyebabkan Sungai Pahang di beberapa kampung tradisional di Chenor di sini berubah menjadi kering.

Ketua Kampung Pesagi, Abd. Rahim Yaakob, 70, berkata, Sungai Pahang dari Kampung Sanding ke Kampung Chedung dan Kampung Pesagi sejauh hampir empat kilometer berubah wajah menjadi daratan berpasir.

Menurutnya, paling terkesan dengan fenomena luar biasa itu lebih 20 pengusaha ikan sangkar apabila banyak ikan mati dan tidak sempat matang untuk dipasarkan.

"Lebih 200 sangkar milik pengusaha kebanyakannya sudah diangkat ke daratan kerana ikan tidak mampu hidup kesan peningkatan suhu air yang mempengaruhi pembesaran."

"Saya berani menyatakan bahawa kemarau tahun ini lebih teruk berbanding 2016 kerana sebahagian besar sungai beru-



SUNGAI Pahang berubah menjadi padang pasir ibarat gurun di Kampung Pesagi di Chenor, Maran.
- UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD

bah menjadi padang pasir sehingga penduduk boleh bermain bola di atas pasir tersebut," katanya di sini semalam.

Menurutnya, banyak kes kematian lernas di pasir jerlus bukan sahaja berlaku di sekitar Kampung Pesagi tetapi juga di kawasan ber-

pasir di daerah Temerloh dan Bera. Bilal Masjid Kampung Pesagi, Johari Abdul Rahman, 60, berkata, kemarau kali ini disifatkannya paling teruk kerana pasir timbul di permukaan membolehkan penduduk berjalan terus ke Pulau Pesagi dan Pulau Tanjung

Berangan." katanya.

Seorang pengusaha ikan sangkar di Kampung Tanjung Berangan, Chenor, Mohd. Fadzli Abdul Malik, 43, terpaksa melelong ikan patin dan tilapia lebih 1,000 kilogram minggu lalu bagi mengelak kerugian.